



## Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

Cawangan Negeri Selangor

Alamat : Rumah PUSPANITA Negeri Selangor, JKR (P)1588, Jalan Nilam 7/1C, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ruj. Kami: IPK.Sel.MTES.100-8/1/1

Jld. 14 ( 61 )

Tarikh : 29 Disember 2017

### **Edaran Kepada:**

Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar, Majlis Bandaraya /  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Daerah,  
Negeri Selangor

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pengerusi / Timbalan Pengerusi,  
PUSPANITA Daerah, Negeri Selangor

Ahli-ahli PUSPANITA Negeri Selangor

YB./YAD./YBhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka /Tuan/Puan,

### **NOTIS - MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-34 TAHUN 2018 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Negeri Selangor akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-34 Tahun 2018 pada tarikh, masa dan tempat seperti ditetapkan berikut:-

**Tarikh : 23 Januari 2018 (Selasa)**  
**Masa : 8.00 pagi hingga 3.00 Petang**  
**Tempat : Auditorium Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz,  
Shah Alam, Selangor.**  
**Pakaian : Seragam PUSPANITA/Unggu**

3. Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan akan disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Penasihat PUSPANITA Negeri Selangor.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita **dijemput** ahli-ahli PUSPANITA di jabatan YB./YAD./YBhg.Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan berdasarkan bilangan seperti berikut :

4.1 **10 – 20 orang** wakil dari Jabatan Negeri/Wilayah Persekutuan

- 4.2 **20 - 40 orang** wakil dari cawangan PUSPANITA Daerah (yang telah dipilih semasa Mesyuarat Agung Daerah masing-masing)
5. Setiap ahli yang menghadiri Mesyuarat Agung akan diberi surat Cuti Tidak Berekod Mengikut Perintah Am 42 (a) Bab C. Namun begitu, ahli-ahli perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan masing-masing.
6. Sebagai langkah penjimatan, ahli mesyuarat yang hadir diminta untuk mencetak **Laporan Tahunan 2017 dengan muat turun di laman web: <http://puspanita.selangor.gov.my>** dan dibawa bersama semasa mesyuarat agung tersebut sebagai rujukan. Laporan berkenaan boleh dimuat turun mulai **20 Januari 2018 (Sabtu)**.
7. Bersama-sama ini disertakan cadangan atur cara, agenda, borang cadangan . usul dan surat permohonan cuti tidak berekod untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. **Borang cadangan / usul** secara bertulis hendaklah dilengkapkan dan dihantar pada atau sebelum **16 Januari 2018 (Selasa)** kepada:

SETIAUSAHA,  
PUSPANITA Negeri Selangor,  
d/a: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,  
Urus Setia Majlis Tindakan Ekonomi Selangor,  
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS,  
40000 Shah Alam.  
Faks: 03-5512 5193  
e-mel: [zaimah@selangor.gov.my](mailto:zaimah@selangor.gov.my) atau [murni@selangor.gov.my](mailto:murni@selangor.gov.my)

Kerjasama dan jasa baik YB./YAD./YBhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan dalam memberi perhatian terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

*"Wanita Sepakat Negara Meningkatkan"*

Saya yang menjalankan tugas,



**(RUZAIDAH BINTI MANSOR)**  
Setiausaha PUSPANITA Negeri Selangor

**Salinan kepada:**

YBhg. Datin Habbulmatain Binti Maliki,  
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

**NOTIS - MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-34  
TAHUN 2018 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

---

YBhg. Datin Dely Zarina Binti Kasim,  
Timbalan Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

YBhg. Datin Roziah Binti Alias  
Timbalan Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

YBhg. Datin Saliza Binti Shafie  
Timbalan Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

Ahli-ahli Jawatankuasa PUSPANITA Negeri Selangor  
Sesi 2014/2016

Fail Puspanita